

30 AUG 1999

PEMUDA PPP TETAP BERKEMPEN UNTUK BN, WALAUPUN MIC TAK PERLUKANNYA

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Pergerakan Pemuda PPP tetap berkempen untuk kemenangan semua calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang walaupun MIC secara terbuka telah menolak tawaran membantu kempennya.

Ketua Pemuda PPP, T. Murugiah berkata dengan 251,000 anggota yang juga pengundi berdaftar di seluruh negara, PPP akan berkempen atas semangat setiakawan dan kepentingan BN.

"Bagaimanapun kita akan menghantar satu memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membantah kenyataan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu kononnya MIC tidak memerlukan bantuan PPP dan IPF dalam kempen," katanya pada persidangan berita di sini, hari ini.

Murugiah yang sebelum itu mengetuai Pemuda PPP menghadiri Perhimpunan Jiwa Merdeka Pemuda BN di sini, berkata memorandum itu, yang turut meluahkan kekesalan partinya terhadap kenyataan Samy Vellu, akan dihantar kepada Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN minggu depan.

"Bukanlah bijak bagi seseorang pemimpin BN apatah lagi yang `senior' seperti Samy Vellu untuk membuat kenyataan seperti itu... menolak bantuan daripada parti komponen dan parti yang menyokong kerajaan," katanya.

Murugiah berkata kenyataan Samy Vellu bukan sahaja boleh mengecilkan hati dan mengelakkan anggota berdaftar PPP seramai 3,700 orang di kawasan Parlimen Sungai Siput daripada mengundi Menteri Kerja Raya itu, tetapi boleh menjejaskan calon-calon BN dari MIC di semua kawasan.

-- BERNAMA

MNY RON